



13 FEB, 2022

## Kerajaan teliti keperluan pelaksanaan bekerja dari rumah

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

# Kerajaan teliti keperluan pelaksanaan bekerja dari rumah

**KUALA TERENGGANU:** Kerajaan akan meneliti sama ada terdapat keperluan untuk penjawat awam bekerja dari rumah (BDR), kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Ia susulan peningkatan kes jangkitan COVID-19 yang kini melebihi kadar 20,000 kes sehari, angkara gelombang Omicron.

Menurut Mohd Zuki, perkara tersebut perlu dibincang dan diputuskan oleh mesyuarat jemaah menteri, sebelum boleh dilaksanakan kepada 1.4 juta penjawat awam di seluruh negara.

"Saya tak boleh kata apa lagi tentang ini (BDR). Tetapi kita akan teliti sebab perkara ini kena dibincang di peringkat jemaah menteri dan kita akan patuh.

"Tetapi perkara paling mustahak untuk kita (penjawat awam) ialah patuh pada prosedur operasi standard (SOP) COVID-19. Ikut arahan yang diberikan pihak berwajib," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Jalinan Kasih Keluarga Malaysia (Tanggungjawab Sosial Korporat) Jabatan Kastam Diraja Terengganu bersama Ketua Pengarah Kastam dan Ketua Setiausaha Negara, di Sekolah



**TERIMA HADIAH:** Mohd Zuki (kiri) menyampaikan kerusi roda kepada penerima Razali (dua kanan) pada Majlis Jalinan Kasih #Keluarga Malaysia di Sekolah Kebangsaan Bukit Bayas, Kuala Terengganu, semalam. — Gambar Bernama

Kebangsaan Bukit Bayas, semalam.

Pada majlis itu seramai 88 asnaf menerima bantuan dalam bentuk bungkusan makanan, wang tunai dan kerusi roda, yang disumbangkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu.

Dalam perkembangan lain, Ketua Pengarah Kastam Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir berkata pemasangan kamera badan terhadap anggota penguatkuasa JKDM, dijangka dapat dilaksanakan pada Jun ini.

Katanya perkara tersebut akan dibuat secara berperingkat mengikut fasa, me-

mandangkan ia melibatkan keperluan peruntukan yang besar.

"Untuk fasa pertama, kita jangka akan dilaksanakan kepada lebih 100 anggota penguatkuasa, termasuk juga kakitangan barisan hadapan yang bertugas di lapangan terbang dan sempadan," katanya. — Bernama



13 FEB, 2022

## Kerajaan teliti keperluan pelaksanaan bekerja dari rumah

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA TERENGGANU: Kerajaan akan meneliti sama ada terdapat keperluan untuk penjawat awam bekerja dari rumah (BDR), kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali. Ia susulan peningkatan kes jangkitan COVID-19 yang kini melebihi kadar 20,000 kes sehari, angkara gelombang Omicron. Menurut Mohd Zuki, perkara tersebut perlu dibincang dan diputuskan oleh mesyuarat jemaah menteri, sebelum boleh dilaksanakan kepada 1.4 juta penjawat awam di seluruh negara. "Saya tak boleh kata apa lagi tentang ini (BDR).